

Malaysia ikut acuan sendiri: PM

BH 8 OCT 2000
Daripada **AZMAN ABDUL HAMID**

CAMBRIDGE (England): Malaysia akan menjadi negara maju menjelang 2020 mengikut acuan sendiri tanpa meniru mana-mana negara maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus menjadi negara demokrasi tetapi bukannya demokrasi bebas sehingga membolehkan apa saja diterima.

“Demokrasi bertujuan berkhidmat untuk kita, bukannya kita berkhidmat untuk demokrasi,” katanya dalam ucapamannya pada persidangan mengenai ‘Malaysia pada Alaf Baru’ anjuran Persatuan Universiti Cambridge Malaysia di sini, petang semalam.

Sambil menjangkakan Barat akan membuat kecaman, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mengendulkannya “kerana kita sentiasa tahu apa yang baik buat kita”.

Walaupun mengakui beliau bukan pakar ramalan yang baik, Dr Mahathir berkata, beliau optimis Malaysia akan menjadi negara yang stabil dan maju dengan pantas menjelang 2020 kerana beliau yakin rakyat Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh membawa senario terbaik untuk negara mereka.

“Kerajaan yang ada sekarang berazam mencapai wawasan ini. Saya yakin kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai keazaman yang

sama,” katanya.

Dr Mahathir menaruh kepercayaan kepada rakyat Malaysia menyokong formula ‘Wawasan 2020’ pada alaf baru untuk mereka terus menikmati pembangunan dan kemakmuran.

Perdana Menteri yakin, mereka menolak sebarang unsur ekstrim dan radikal yang digerakkan pihak tertentu kerana ia merugikan.

LIHAT MUKA 2

Malaysia ikut acuan sendiri

BH 8 OCT 2000
DARI MUKA 1

Beliau berkata, satu faktor yang membantu pembangunan Malaysia ialah konsep kerjasama di antara kaum lebih dalam soal pengurusan hal ehwal ekonomi dan sosial, lebih tiga dekad lalu.

“Selepas berjaya mewujudkan kerjasama dan kestabilan politik di Malaysia, ia membolehkan rakyat meneruskan usaha membangunkan negara. Tiada dasar atau pendekatan radikal digunakan.

“Kita kini mempunyai satu set etika dan dasar yang memberi faedah besar kepada negara. Kita ada wawasan - Wawasan 2020.

Dr Mahathir mengakui ada yang mendakwa untuk memilih parti yang sama secara berulang kali adalah tidak demokratik dan dengan itu, ada kemungkinan Malaysia mengalami perubahan kerajaan dengan lebih kerap pada masa depan.

Pertukaran itu bermakna kerajaan yang dipilih akan mengubah kebanyakan rancangan dan dasar kerajaan sebelumnya, dan ini menimbulkan banyak keburukan, katanya.

“Mungkin pertukaran itu baik untuk negara. Tetapi pertukaran mewujudkan keadaan tidak menentu dan keadaan tidak menentu boleh merosakkan.

“Menukar kerajaan mungkin dianggap demokratik tetapi ia merosakkan. Ia menjejaskan kerajaan dengan teruk. Sekali lagi, kita kena pertimbangkan sama ada kita mahu demokrasi semata-mata atas nama demokrasi atau kita mahu demokrasi kerana manfaat yang ia dapat berikan,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kemungkinan berulangnya tragedi perkauman seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 “sangat besar” jika kerajaan menjadi lemah atau kerajaan lain dipilih.